

Jawab semua soalan yang berikut

- 1 Gaji bulanan seorang pekerja pada tahun 2019 dan 2020 ialah RM2000 dan RM2500 masing-masing.

Hitung nombor indeks gaji bulanan pekerja itu pada tahun 2020 berdasarkan tahun 2019.

Jawapan:

- 2 Purata bil air bulanan sebuah kedai berubah daripada RM150 pada tahun 2019 ke RM180 pada tahun 2020.

Hitungkan nombor indeks bil air pada tahun 2020 berasaskan tahun 2019.

Jawapan:

- 3 Sewa sebuah rumah pada tahun 2019 ialah RM590 dan nombor indeks sewa itu pada tahun 2020 berasaskan tahun 2019 ialah 130.

Cari sewa rumah itu pada tahun 2020.

Jawapan:

- 4 Indeks harga sepeket serbuk pencuci pada tahun 2020 berasaskan tahun 2018 ialah 124. Jika harga serbuk pencuci itu pada tahun 2018 ialah RM40, cari harga serbuk pencuci itu pada tahun 2020.

Jawapan:

- 5 Harga sebuah buku pada tahun 2020 ialah RM19.80. Diberi indeks harga buku yang sama pada tahun 2018 ialah 90, cari harga buku itu pada tahun 2018.

Jawapan:

- 6 Jadual menunjukkan indeks harga dan pemberat bagi tiga barangan pada tahun 2020.

BARANGAN	INDEKS HARGA	PEMBERAT
A	106	5
B	112	4
C	74	3

Cari nombor indeks gubahan bagi ketiga-tiga barang tersebut

Jawapan:

- 7 Jadual menunjukkan indeks harga dan pemberat bagi empat barangan

BARANGAN	INDEKS HARGA	PEMBERAT
P	120	1
Q	105	2
R	140	4
S	n	3

Diberi nombor indeks gubahan keempat-empat barangan tersebut ialah 122, cari nilai bagi n.

Jawapan: $n =$

- 8 Jadual menunjukkan nombor indeks dan pemberat bagi murid tingkatan 3 di sebuah sekolah pada tahun 2021 berasaskan tahun 2020. Nombor indeks gubahan empat kelas itu ialah 123.

KELAS	NOMBOR INDEKS	PEMBERAT
AZAM	113	30
BESTARI	102	25
CEKAL	120	W
DEDIKASI	152	30

Cari nilai bagi w.

Jawapan:

- 9 Jadual menunjukkan harga bagi tiga barangan pada tahun 2019 dan 2020 sepadan dengan indeks harga berasaskan tahun 2019.

BARANGAN	HARGA TAHUN 2019	HARGA TAHUN 2020	INDEKS HARGA
P	24.80	34.72	z
Q	x	19.52	160
R	36.00	y	115

Cari nilai bagi x, y dan z.

Jawapan: x =

RM

y =

RM

z =